

25 OCT 1997

TAHNIAH AGONG KEPADA AUSTRIA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Austria Dr Thomas Klestil sempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Viktor Klimma berharap rakyat Austria akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran, demikian menurut kenyataan Wisma Putra.

"Saya gembira hubungan antara Malaysia dan Austria mencapai kemajuan hasil pertukaran kunjungan antara pemimpin dan rakyat kedua-dua negara," kata beliau.

Menteri Luar Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Wolfgang Schuessel berkata beliau yakin bahawa hubungan antara kedua-dua negara akan terus erat pada masa akan datang. -- BERNAMA

RV MZ MAI